



POLITEKNIK
Jabatan Pengajian Politeknik

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENILAIAN KHAS POLITEKNIK KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**BAHAGIAN PENTAKSIRAN DAN PENSIJILAN
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
BERKUATKUASA 23 MEI 2011**

**Garis Panduan
Pelaksanaan Penilaian Khas Yang Diperakukan
Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik**

1.0 Pengenalan

- 1.1 Persidangan Lembaga Peperiksaan Dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Bil 1/2011 pada 13 Januari 2011 di Johor Bahru telah meluluskan pindaan kepada perkara 19.2. Buku Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian iaitu :

Penilaian Khas adalah satu bentuk penilaian yang hanya dibenarkan kepada pelajar yang telah mengambil semua kursus bagi sesuatu program (tidak termasuk Latihan Industri) dan memenuhi syarat-syarat berikut :

- i. Mendapat Kelulusan KB
- ii. Gagal satu (1) kursus sahaja;
- iii. Telah menduduki peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan (jika berkaitan);
- iv. Tidak dikenakan tindakan tatatertib;
- v. Tidak melampaui tempoh maksimum program; dan
- vi. **Telah diperaku oleh Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik**

2.0 Tujuan Pelaksanaan

- 2.1 Pelaksanaan Penilaian Khas yang diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik sebelum Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik bersidang adalah bertujuan supaya :

- 2.1.1 Pelajar semester akhir dapat menamatkan pengajian lebih awal;
- 2.1.2 Pelajar yang melaksanakan Latihan Industri pada semester akhir boleh mengambil semua kursus bagi sesuatu program sebelum menjalani latihan Industri.

3.0 Tafsiran

- 3.1 Penilaian Khas adalah kaedah untuk mengulang penilaian, khusus bagi pelajar yang telah mengambil semua kursus bagi sesuatu program (tidak termasuk Latihan Industri) dan memenuhi syarat-syarat seperti perkara 1.1.

4.0 Pelaksanaan Penilaian Khas

- 4.1 Pelaksanaan **Penilaian Khas** yang diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik adalah seperti berikut :

- 4.1.1 Kaedah Penilaian Khas hendaklah ditentukan oleh Ketua Jabatan Akademik sama ada dengan:
- i. menduduki Peperiksaan Akhir sahaja;
 - ii. menduduki Peperiksaan Akhir dan melaksanakan Penilaian Berterusan; atau
 - iii. melaksanakan sepenuhnya Penilaian Berterusan.
- 4.1.2 Tempoh pelaksanaan adalah berasaskan jumlah jam kredit kursus berkenaan yang dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hingga empat (4) minggu.
- 4.1.3 Pelajar perlu mendaftar untuk kursus yang berkenaan.
- 4.1.4 Keputusan Penilaian Khas diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik;
- 4.1.3 Tarikh Keputusan Rasmi merujuk kepada takwim yang dikeluarkan oleh Bahagian Pentaksiran dan Pensijilan.

**Takwim Aktiviti Penilaian Khas
Sesi Disember 2010**

TARIKH	AKTIVITI
16 Mei 2011	Tarikh Keputusan Rasmi Peperiksaan Akhir Sesi Disember 2010
30 Mei – 24 Jun 2011	Pendaftaran dan Pelaksanaan Penilaian Khas
29-Jun-11	Tarikh Keputusan Rasmi Penilaian Khas
17 – 22 Julai 2011	Mesyuarat Lembaga Peperiksaan Dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik Bagi sesi Disember 2010 dan Semester Pendek 2011